



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Bank (Pindaan) 1983

DR.31/1983

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Bank 1973.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut :

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Bank (Pindaan) 1983.

Tajuk ringkas.

2. Akta Bank 1973, yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 24 seksyen baru 24A yang berikut :

Seksyen baru 24A.
Akta 102.

“Skim pindah-milik usaha atau harta suatu bank berlesen kepada suatu bank berlesen lain.

24A. (1) Apa-apa skim yang dicadangkan—

(a) bagi menyusun semula suatu bank berlesen; atau

(b) bagi menyatukan, mencantumkan, atau selainnya di antara suatu bank berlesen dengan suatu bank berlesen lain,

dalam mana kesemua atau mana-mana bahagian daripada usaha atau harta sesuatu bank berlesen (kemudian dari ini disebut “pemindah milik”) akan dipindahmilik kepada bank berlesen lain (kemudian dari ini disebut “penerima pindahmilik”) dan yang telah diluluskan oleh Menteri menurut subseksyen (2) seksyen 24, bolehlah dikuatkuasakan mengikut seksyen ini.

(2) Sesuatu skim di bawah seksyen ini tidak boleh berkuatkuasa melainkan disahkan oleh Mahkamah Tinggi dan jika disahkan demikian, skim itu hendaklah berkuatkuasa mengikut maksudnya walau apa pun yang terkandung dalam mana-mana undang-undang dan hendaklah mengikat mana-mana orang yang terlibat dengannya itu.

(3) Sesuatu permohonan kepada Mahkamah Tinggi bagi pengesahan suatu skim di bawah seksyen ini hendaklah dibuat oleh pemindah milik dengan cara saman pemula *ex-parte*, dan Mahkamah Tinggi boleh melalui perintah mengesahkan skim itu yang boleh membuat peruntukan mengenai semua atau mana-mana daripada yang berikut:

(a) tarikh bila dan mulai dari mana skim itu akan berkuatkuasa dan tarikh itu bolehlah suatu tarikh yang lebih awal atau terkemudian daripada tarikh perintah itu dibuat;

(b) mana-mana harta yang terletak pada atau dipegang oleh pemindah milik sama ada secara bersendirian atau berseksama dengan mana-mana orang lain hendaklah, pada dan mulai dari tarikh pindahmilik itu terletak pada atau dipegang oleh penerima pindahmilik itu sama ada secara bersendirian atau, mengikut mana yang berkenaan, berseksama dengan mana-mana orang lain, dalam sifat yang sama atas amanah, dan dengan dan tertakluk kepada kuasa, peruntukan dan tanggungan yang terpakai berkenaan dengan harta itu masing-masing;

(c) apa-apa suratcara yang ada, sama ada dalam bentuk suratikatan, wasiat atau selainnya, atau perintah mana-mana mahkamah yang menurutnya atau menurut kuasanya mana-mana harta itu diletakkan kepada pemindah milik, hendaklah ditafsirkan

dan berkuatkuasa, pada dan mulai dari tarikh pindahmilik itu, setakat yang dibenarkan oleh konteksnya, seolah-olah apa-apa sebutan mengenai pemindah milik di dalamnya digantikan dengan sebutan mengenai penerima pindahmilik;

(d) apa-apa kontrak yang ada yang pemindah milik itu menjadi suatu pihak, sama ada secara bertulis atau tidak, hendaklah berkuatkuasa, pada dan mulai dari tarikh pindahmilik itu, seolah-olah penerima pindahmilik itu telah menjadi suatu pihak dalam kontrak tersebut sebagai ganti pemindah milik;

(e) apa-apa akaun di antara pemindah milik dan pelanggannya hendaklah, pada dan mulai dari tarikh pindahmilik itu, menjadi suatu akaun di antara penerima pindahmilik dan pelanggan itu tertakluk kepada syarat-syarat dan insiden-insiden yang sama seperti syarat-syarat dan insiden-insiden sebelum pindahmilik itu, dan akaun itu hendaklah disifatkan bagi semua maksud sebagai suatu akaun tunggal yang berterusan;

(f) apa-apa arahan, perintah, mandat, surat kuasa wakil, kuasa, akujanji atau persetujuan, sama ada dinyatakan secara bertulis atau tidak atau sama ada berkaitan dengan suatu akaun atau tidak, yang diberi kepada pemindah milik sama ada secara bersendirian atau bersesama dengan seorang lain, hendaklah berkuatkuasa, berkenaan dengan apa-apa jua yang patut dibuat pada atau selepas tarikh pindahmilik itu, seolah-olah diberikan kepada penerima pindahmilik sama ada secara bersendirian atau, mengikut mana yang berkenaan, bersesama dengan mana-mana orang lain;

(g) apa-apa suratcara boleh niaga atau perintah bayar wang yang dikeluarkan pada, atau diberikan kepada, atau diterima atau diendors oleh, pemindah milik atau kena dibayar di tempat perniagaan pemindah milik, sama ada telah dikeluarkan, diberikan, diterima atau diendors demikian sebelum, pada atau selepas tarikh pindahmilik itu, hendaklah mempunyai kuatkuasa yang sama, pada dan mulai dari tarikh pindahmilik itu, seolah-olah ia telah dikeluarkan pada, atau diberikan kepada, atau diterima atau diendors oleh, penerima pindahmilik atau kena dibayar di tempat perniagaan penerima pindahmilik itu;

(h) penjagaan apa-apa dokumen, barang-barang atau benda yang dipegang oleh pemindah milik sebagai bailee sebelum sahaja tarikh pindahmilik hendaklah, pada dan mulai dari tarikh pindahmilik itu, berpindah kepada penerima pindahmilik dan hak-hak serta kewajiban-kewajiban pemindah milik di bawah apa-apa kontrak bailmen yang berhubungan dengan mana-mana dokumen, barang-barang atau benda itu hendaklah, pada dan mulai dari tarikh pindahmilik itu, dipindahkan kepada penerima pindahmilik;

(i) apa-apa cagaran yang dipegang sebelum sahaja tarikh pindahmilik oleh pemindah milik, atau oleh nomini atau pemegang amanah bagi pemindah milik itu sebagai cagaran bagi pembayaran atau pelepasan apa-apa tanggungan mana-mana orang hendaklah, pada dan mulai dari tarikh pindahmilik itu, dipegang oleh penerima pindahmilik atau, mengikut mana yang berkenaan, oleh nomini atau pemegang amanah itu sebagai nomini kepada, atau pemegang amanah bagi,

penerima pindahmilik itu, dan setakat tanggungan-tanggungan itu, boleh didapatkan oleh penerima pindahmilik sebagai cagaran bagi pembayaran atau pelepasan tanggungan-tanggungan itu; dan jika sesuatu cagaran itu meliputi pendahuluan masa depan atau tanggungan masa depan, maka ia hendaklah, pada dan mulai dari tarikh pindahmilik itu, dipegang dan boleh didapati sebagaimana tersebut dahulu oleh penerima pindahmilik sebagai cagaran bagi pendahuluan masa depan oleh, dan tanggungan masa depan bagi penerima pindahmilik itu sama caranya dalam semua hal seperti pendahuluan masa depan oleh, atau tanggungan masa depan bagi, pemindah milik itu telah dijamin sebelum sahaja tarikh pindahmilik tersebut;

(i) jika apa-apa hak atau tanggungan pemindah milik dipindahkan kepada penerima pindahmilik, penerima pindahmilik itu dan semua orang lain hendaklah, pada dan mulai dari tarikh pindahmilik itu, mempunyai hak, kuasa dan remedi yang sama (dan khususnya hak dan kuasa yang sama bagi mengambil atau menentang prosiding undang-undang atau membuat atau menentang permohonan kepada mana-mana pihak berkuasa) bagi menentukan, menyempurnakan atau menguatkuasakan hak atau tanggungan itu seolah-olah ia telah pada setiap masa menjadi suatu hak atau tanggungan penerima pindahmilik, termasuk hak-hak atau tanggungan-tanggungan berkenaan dengan apa-apa prosiding undang-undang atau permohonan kepada mana-mana pihak berkuasa yang belum selesai sebelum sahaja tarikh pindahmilik itu oleh atau terhadap pemindah milik;

(k) apa-apa penghakiman atau award yang didapati oleh atau terhadap pemindah milik dan tidak diselesaikan sepenuhnya sebelum tarikh pindah-milik itu hendaklah, pada dan mulai dari tarikh pindahmilik, dikuatkuasakan oleh atau, mengikut mana yang berkenaan, terhadap penerima pindahmilik; dan

(l) apa-apa perkara sampingan, berbangkit dan tambahan yang perlu untuk menjaminkan yang skim itu dijalankan sepenuhnya dan dengan berkesan.

(4) Jika perintah Mahkamah Tinggi yang dibuat di bawah subseksyen (3) memperuntukkan tentang pindahmilik apa-apa usaha atau harta yang diletakhak pada atau dipegang oleh pemindah milik sama ada secara bersendirian atau bersesama dengan mana-mana orang lain, maka, mengikut perintah itu, usaha atau harta tersebut hendaklah, pada dan mulai dari tarikh pindahmilik itu, diletakhakkan pada atau dipegang oleh penerima pindahmilik sama ada secara bersendirian atau, mengikut mana yang berkenaan, bersesama dengan orang lain tersebut.

(5) Perintah Mahkamah Tinggi yang dibuat di bawah subseksyen (3) hendaklah disiarkan dalam tidak kurang daripada dua akhbar yang diluluskan oleh Bank Negara.

(6) Pemindah milik hendaklah menyerahkan, dalam masa tiga puluh hari selepas perintah dibuat, satu salinan perintah Mahkamah Tinggi yang dibuat menurut subseksyen (3) berserta dengan satu salinan skim yang disahkan demikian kepada—

(a) Pendaftar Syarikat;

(b) pihak berkuasa sesuai yang berkenaan dengan pendaftaran atau perekodan urusan-urusan berhubungan dengan tanah itu atau kepentingan mengenai tanah itu yang dipindahmilikkan sedemikian menurut perintah itu; dan

(c) pihak berkuasa sesuai yang berkenaan dengan pendaftaran atau perekodan urusan-urusan berhubungan dengan harta alih itu atau kepentingan mengenai harta alih itu yang dipindahkan sedemikian menurut perintah itu.

(7) Bagi maksud-maksud seksyen 24 dan seksyen ini—

“cagaran” termasuklah gadaijanji atau gadaian, sama ada di sisi undang-undang atau ekuiti, debentur, bil pertukaran, surat aksep, gerenti, lien, sandaran, sama ada sebenar atau ikut-tafsir, hipotekasi, tanggung rugi, akujanji atau lain-lain cara bagi menjamin pembayaran atau pelepasan sesuatu hutang atau tanggungan, sama ada semasa atau masa depan, sebenar atau kontingen;

“harta” termasuklah tiap-tiap jenis harta alih dan tak alih, apa-apa kepentingan dalam-nya, sama ada di sisi undang-undang atau ekuiti, kemudahan daripada syer dan pelaburan, chose dalam tindakan, tuntutan, hak, hak mengundi, lesen, keistimewaan, cagaran dan kuasa;

“tanggungan” termasuklah tiap-tiap jenis hutang, kewajipan dan obligasi sama ada semasa atau masa depan, sebenar atau kontingen;

“tarikh pindahmilik” ertinya tarikh yang ditetapkan oleh Mahkamah Tinggi dalam perintah yang dibuat menurut subseksyen (3);

“usaha atau harta” termasuklah semua harta dan tanggungan yang ada dalam Malaysia atau yang tertakluk kepada undang-undang Malaysia, sama ada atau tidak boleh diserahkan di sisi undang-undang atau ekuiti dan sama ada atau tidak terletak pada, dipunyai oleh atau dipegang secara benefisial atau atas apa-apa sifat fidusiari.”

Pindaan
seksyen 26A.

3. Seksyen 26A Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah perenggan (c) seksyen-kecil (1) seksyen 26 dan seksyenkecil (2)," dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan "Melainkan jika dikecualikan selainnya oleh Bank Negara, dengan atau tanpa syarat, atau kecuali sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen kecil (2) atau (4),".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Bank 1973 kerana sebab-sebab di bawah ini.

2. *Fasal 2* Rang Undang-Undang ini bertujuan memasukkan seksyen baru 24A dalam Akta bagi memudahkan pindahmilik urusan dan usaha sesuatu bank yang akan disusun semula menjadi satu bank baru dengan cara penyusunan semula melalui satu skim pindahmilik dibuat dengan kelulusan Menteri di bawah subseksyen (2) seksyen 24 Akta tersebut dan untuk skim tersebut berkuatkuasa selepas disahkan oleh Mahkamah Tinggi.

3. *Fasal 3* Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda subseksyen (1) seksyen 26A Akta tersebut untuk membolehkan Bank Negara mengecualikan, dengan atau tanpa syarat, suatu bank berlesen daripada sekatan memberi pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit kepada mana-mana orang yang terdapat dalam seksyen tersebut.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN. (U²) 1230; (SBKA) 36.]